

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK BUNG MOKTAR BIN RADIN
[KINABATANGAN]**

TARIKH : 27.10.2016 (KHAMIS)

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan] minta MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN menyatakan apakah tindakan Kerajaan dalam memastikan bahawa harga barangan yang dikenakan GST ini adalah berpatutan bagi rakyat Malaysia memandangkan terdapat rungutan orang ramai yang merasakan GST ini membebankan orang ramai berikutan kebanyakan harga barangan bertambah mahal berbanding sebelum pelaksanaan GST.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan sedar rungutan orang ramai mengenai harga barangan. Walau bagaimanapun, perubahan harga barangan di pasaran domestik bukan hanya disebabkan oleh pelaksanaan Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST), sebaliknya dipengaruhi oleh pelbagai faktor seperti tingkat penawaran dan permintaan, kadar pertukaran mata wang asing, faktor cuaca, kekangan kos pengeluaran seperti upah buruh serta kos bahan bakar, kos logistik dan lain-lain lagi.

Bagi memastikan harga barangan adalah berpatutan, beberapa kaedah pemantauan dan penguatkuasaan telah dilaksanakan seperti berikut:

- i. Melaksanakan penguatkuasaan tegas di bawah **Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan (AKHAP) 2011** ke atas mana-mana pihak yang mencatut. **OPS CATUT** yang digerakkan bermula pada **15 Januari 2015** di seluruh **negara** masih diteruskan sehingga kini dan telah dipertingkatkan penguatkuasaannya ke atas perniagaan dalam negara;
- ii. Menjalankan **pemantauan harga barangan keperluan asas** di seluruh negara di bawah **Program Pemantauan Harga** oleh Pegawai Pemantau Harga Kementerian;
- iii. Menyediakan **pelbagai medium penyaluran aduan** bagi memudahkan pengguna mengemukakan aduan berkaitan harga;

- vi. **Menubuhkan Pusat Informasi dan Gerakan Operasi Strategik (PIGOS) yang berfungsi sebagai Pusat Kawalan Penguatkuasaan** seluruh negara bertujuan meningkatkan keberkesanan pelaksanaan penguatkuasaan dan **menangani pertanyaan, maklum balas dan menyelesaikan aduan-aduan rakyat dengan lebih berkesan;**
- v. Memperkenalkan program *Friends of KPDNKK* bagi melibatkan Pengguna sebagai mata dan telinga Kementerian. Kementerian akan bekerjasama dengan mereka untuk menyebarkan maklumat berhubung kepenggunaan terutama mengenai isu harga barang; dan
- vi. Mengadakan **kerjasama bersama Kerajaan Negeri dan Agensi Kerajaan** lain serta penglibatan **penghulu dan penggawa** dalam membantu memantau menyalurkan maklumat kenaikan harga barangan dan caj perkhidmatan kepada Kementerian di premis perniagaan.

Usaha-usaha ini menunjukkan keprihatinan Kerajaan dalam menangani isu kos sara hidup bagi meringankan bebanan rakyat.